

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2023/2024

NAMA KURSUS : BIMBINGAN DAN KAUNSELING

KOD KURSUS : BBD 30302

KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG

TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2024

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN

1. JAWAB SEMUA SOALAN
2. PEPERIKSAAN AKHIR INI
DILAKSANAKAN SECARA
 Buka buku
 Tutup buku
3. PELAJAR **TIDAK DIBENARKAN**
MERUJUK KEPADA MANA-MANA
SUMBER RUJUKAN BAGI
PEPERIKSAAN YANG
DILAKSANAKAN SECARA TUTUP
BUKU.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA BELAS (15) MUKA SURAT

SULIT


TERBUKA

BAHAGIAN A (SOALAN ANEKA PILIHAN)

- S1** Berikut merupakan faktor-faktor perkembangan pesat ekonomi Malaysia yang meningkatkan keperluan perkhidmatan kaunseling **KECUALI**
- A Penghijrahan penduduk
 - B Pembangunan modal insan
 - C Kemajuan dan perkembangan teknologi
 - D Perkembangan keluarga yang mawaddah
- S2** Yang manakah merupakan prinsip-prinsip bimbingan?
- A Pencegahan masalah sementara masih boleh dikawal
 - B Membuat keputusan hidup untuk hidup klien
 - C Sesi dilakukan secara persendirian
 - D Sesi dilakukan dengan paksaan
- S3** Berikut ialah jenis perkhidmatan bimbingan di sekolah **KECUALI**
- A perkhidmatan kebajikan
 - B perkhidmatan penempatan
 - C perkhidmatan pendidikan pencegahan dadah
 - D perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kelompok
- S4** Apakah syarat utama untuk menjadi seorang kaunselor?
- A Individu yang berjaya menguruskan trauma hidup
 - B Individu yang pernah mempunyai pengalaman hidup yang pahit
 - C Sesiapa sahaja yang mempunyai kemahiran mendengar yang baik
 - D Individu yang mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kaunseling
- S5** Siapakah antara ahli psikologi yang memperkenalkan pendekatan humanistik?
- A Carl Ransom Rogers
 - B Carl Ransom Lange
 - C Carl James Lange
 - D Cannon Bard
- S6** “Seorang kaunselor mestilah memahami bahawa klien mempunyai hak untuk membuat keputusan sendiri dan menerima klien dengan penuh kerelaan.” Apakah sifat kaunselor yang digambarkan seperti dalam pernyataan tersebut?
- A Ketepatan
 - B Ketulenan
 - C Tidak menghukum
 - D Penerimaan dan kemesraan

- S7 “Seorang kaunselor mestilah menggunakan bahasa yang mudah difahami klien dan membantu klien meluahkan masalah secara tepat.” Apakah sifat kaunselor yang digambarkan seperti dalam pernyataan tersebut?
- A Ketepatan
 - B Ketulenan
 - C Tidak menghukum
 - D Penerimaan dan kemesraan

- S8 “Seorang kaunselor tidak boleh menghakimi kliennya dengan sewenang-wenang.” Apakah sifat kaunselor yang digambarkan seperti dalam pernyataan tersebut?
- A Ketepatan
 - B Ketulenan
 - C Tidak menghukum
 - D Penerimaan dan kemesraan



Rajah S9

- S9 **Rajah S9** di atas menunjukkan proses sesi kaunseling. Apakah peringkat X tersebut?
- A Pembinaan hubungan
 - B Mengenalpasti punca masalah
 - C Membincangkan alternatif klien
 - D Penamatan sesi kaunseling bersama klien
- S10 Bagaimanakah cara yang terbaik untuk menyediakan sesi kaunseling bersama klien?
- A Kaunselor perlu menjalinkan hubungan yang mesra dengan klien
 - B Kaunselor perlu mengetahui tentang diri klien dan menyemak rekod-rekod klien
 - C Kaunselor perlu membuatkan klien berasa selesa semasa sesi kaunseling dijalankan
 - D Kaunselor perlu menyediakan suasana dan tempat yang kondusif semasa sesi kaunseling dijalankan

Kaunselor: Sepanjang perbincangan tentang diri Aida, pertama tadi Aida menyatakan bahawa Aida mempunyai masalah dengan keluarga. Kedua, Aida menyatakan bahawa Aida mempunyai masalah dengan rakan Aida. Antara kedua-dua masalah ini, mana masalah yang betul-betul mengganggu Aida?

Klien: Saya bingung cikgu. Saya tidak pasti apa sebenarnya yang menyebabkan saya tertekan.

Rajah S11

- S11** **Rajah S11** menunjukkan perbincangan antara seorang kaunselor dan klien. Apakah tahap proses kaunseling dalam **Rajah S11** di atas?
- A Pembinaan hubungan
 - B Membincang alternatif
 - C Penerokaan masalah klien
 - D Mengenalpasti punca masalah klien
- S12** Berapa lamakah masa yang diambil oleh kaunselor untuk menjalankan satu sesi kaunseling?
- A 15 hingga 25 minit
 - B 25 hingga 35 minit
 - C 35 hingga 45 minit
 - D 45 minit hingga 60 minit

Klien: Saya tidak tahu hendak buat apa lagi. Saya telah menjalankan tanggungjawab sebagai isteri dengan baik, namun suami saya tetap hendak berkahwin lain.

Kaunselor: Saya dapat rasakan kekecewaan dan kesedihan yang sedang anda alami.

Rajah S13

- S13** **Rajah S13** menunjukkan perbincangan antara kaunselor dan klien. Apakah kemahiran asas yang dipraktikkan oleh kaunselor di atas?
- A Kemahiran menyoal
 - B Kemahiran berempati
 - C Kemahiran menyimpul
 - D Kemahiran memberi perhatian
- S14** Apabila terdapat percanggahan pendapat atau maklumat daripada klien, apakah kemahiran asas yang sesuai dilakukan oleh kaunselor terhadap kliennya?
- A Kemahiran menyoal
 - B Kemahiran berempati
 - C Kemahiran konfrantasi
 - D Kemahiran memberi perhatian

S15 Berikut merupakan perbezaan yang tepat antara guru bimbingan dan kaunselor **KECUALI**

	Aspek	Guru Bimbingan	Kaunselor
A	Profesional	Tidak bertauliah	Bertauliah
B	Tempat	Tiada tempat khusus	Tempat khusus
C	Masa	Masa yang telah ditetapkan	Bila-bila masa
D	Sasaran	Individu, kelompok besar atau kecil	Individu, kelompok kecil

S16 Berikut merupakan jenis-jenis soalan tertutup **KECUALI**

- A “Adakah saudara berasa malas?”
- B “Benarkah saudara menyedari kehadiran orang ketiga?”
- C “Apakah saudara berasa geram dengan sikap anak-anak?”
- D “Mengapakah saudara berasa marah terhadap anak-anak?”

S17 Apakah persamaan antara kaunseling Islam dan kaunseling Barat?

- A Membaiki hubungan dengan tuhan
- B Klien tidak bertanggungjawab ke atas dirinya
- C Meningkatkan kemampuan klien membuat keputusan
- D Menyekat kemampuan klien membuat keputusannya sendiri

S18 Apakah bentuk bimbingan yang menekankan keharmonian hubungan antara semua pihak dalam sebuah institusi pendidikan?

- A Bimbingan sosial
- B Bimbingan kerjaya
- C Bimbingan peribadi
- D Bimbingan akademik

S19 Antara berikut, yang manakah perbandingan kaunseling Islam dan barat yang **TIDAK BENAR**?

	Islam	Barat
A	Spiritual dan jasmani	Jasmani sahaja
B	Hubungan Allah, alam dan manusia	Hanya menegaskan hubungan sesama manusia sahaja
C	Untuk kepentingan kepada individu	Untuk kepentingan semua
D	Aspek jantina ada halangan dan Batasan tetapi dibenarkan semasa situasi darurat	Aspek jantina, barat, tidak ada halangan dan batasan

S20 Siapakah pelopor Teori Psikoanalisis?

- A Erik Erikson
- B Sigmund Fruit
- C Sigmund Freud
- D Edmund Thorndike

S21 Apakah konsep yang menjelaskan tentang pembentukan moral yang tinggi dalam diri individu menurut pendekatan Psikoanalisis?


- A Id
- B Ego
- C Superego
- D Superduper

Ahmad: Aku mesti merompak bank malam ini, jika tidak aku tidak dapat membelikan makanan untuk anak-anakku.

Rajah S22

S22 Apakah konsep Psikoanalisis yang merujuk kepada **Rajah S22** di atas?

- A Id
- B Ego
- C Superego
- D Superduper



Rajah S23

S23 **Rajah S23** menunjukkan perbualan antara kaunselor dan klien. Apakah teras dalam Teori Pemusatan Klien yang digambarkan dalam **Rajah S23** di atas?

- A Empati
- B Ketulenan
- C Refleksi perasaan

D Penerimaan tanpa syarat

S24 Berikut merupakan kata-kata yang menunjukkan pemikiran tidak rasional individu **KECUALI**

- A "Saya mesti diterima oleh rakan-rakan saya."
- B "Memang teruk apabila gagal dalam temuduga."
- C "Saya membenci guru yang bersikap tidak adil."
- D "Saya menerima rakan-rakan saya walaupun saya dipandang hina."



Rajah S25

S25 Apakah teknik kaunseling dalam **Rajah S25** di atas seperti yang diperkenalkan oleh Teori Gestalt?


- A Teknik Projeksi
- B Teknik Berdialog
- C Teknik Berlebih-lebih
- D Teknik Kerusi Kosong

S26 Apakah pandangan Teori Perlakuan (*Behaviorisme*) terhadap manusia?

- A Manusia mempunyai potensi yang sama untuk menjadi baik atau jahat
- B Manusia tidak menyimpan pola tingkah laku dan melakukan sesuatu yang baharu setiap hari
- C Manusia mempunyai realiti mereka sendiri dalam menyesuaikan diri dengan apa yang berlaku
- D Manusia mempunyai naluri seks dan naluri lapar bagi meneruskan zuriat dan mencapai keseimbangan

S27 Sesuatu teori memiliki keterbatasan konsep, prosedur dan teknik. Teori ini juga dikenali sebagai Pendekatan Kaunseling Integratif. Apakah teori tersebut?


- A Teori Pemusatan Klien
- B Teori Perlakuan
- C Teori Gestalt
- D Teori Ekletik



Rajah S28

S28 **Rajah S28** menunjukkan seorang kanak-kanak sedang membaca buku. Apakah jenis pandangan terhadap manusia yang dijelaskan di dalam Teori Perlakuan (*Behaviorisme*)?

- A Manusia bersifat hedonistik
- B Sifat manusia sebagai neutral
- C Manusia berkebolehan menentukan tingkah laku sendiri
- D Manusia memfokuskan tingkah laku masa kini dan sekarang



Rajah S29

S29 **Rajah S29** di atas menunjukkan kaedah main peranan (*role play*) yang digunakan di dalam Teori Realiti. Apakah kelebihan menggunakan teknik ini di dalam sesi kaunseling?

- A Meringankan tekanan dan bebanan yang dihadapi klien
- B Mencabar klien memberikan alasan tertentu dalam hidupnya
- C Memberi kesedaran kepada klien tentang keadaan kini dan ketika ini
- D Memberikan tekanan kepada klien tentang perkara yang sedang dilalui

- S30** Apakah bentuk bimbingan dalam proses menolong pelajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah dalam pembelajaran ?
- A Bimbingan sosial
 - B Bimbingan kerjaya
 - C Bimbingan peribadi
 - D Bimbingan akademik
- S31** Pihak manakah yang pertama mewujudkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah seluruh Malaysia?
- A Kementerian Pengajian Tinggi
 - B Kementerian Pendidikan Malaysia
 - C Kementerian dalam Negeri Malaysia
 - D Kementerian Pendidikan Teknikal dan Vokasional
- S32** Antara berikut, manakah merupakan matlamat pendekatan Teori Psikoanalisis?
- I Membuat perubahan perwatakan
 - II Membentuk peringkat kefahaman sendiri
 - III Mengubah suai struktur perwatakan individu
 - IV Mengubah perkara yang tidak sedar kepada sedar
- A I dan II sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S33** Antara berikut, manakah merupakan teknik dalam pendekatan Psikoanalisis?
- I Perkaitan bertumpu
 - II Pentafsiran mimpi
 - III Analisa pemindahan
 - IV Pentafsiran penahanan
- A I dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S34** Antara berikut, apakah matlamat dalam *Rational Emotive Behavioral Therapy (REBT)*?
- I Menghilangkan gangguan emosional
 - II Membaiki dan mengubah tingkah laku yang tidak rasional
 - III Klien merasakan mempunyai keupayaan intelektual dari cara berfikir
 - IV Berfikiran secara rasional dapat membuat pertimbangan tentang kebaikan dan keburukan
- A I dan II sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S35** Antara berikut, manakah merupakan tanggungjawab kaunselor menurut Teori Perlakuan (*Behaviorisme*)?
- I Menyempurnakan tugas yang diberikan
 - II Memantau tingkah laku klien yang kurang wajar
 - III Tidak mengamalkan kemahiran mengurus tingkah laku
 - IV Merancang untuk mengukuhkan tingkah laku klien yang wajar
- A I dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S36** Yang manakah kelebihan menggunakan Teori Perlakuan (*Behaviorisme*) dalam sesi kaunseling?
- I Menjelaskan kejadian, pemikiran dan tingkah laku manusia
 - II Memahami tingkah laku manusia yang adaptif dan maladaptif
 - III Memahami manusia unik dan mempunyai tingkah laku berbeza-beza
 - IV Kaunselor dapat mendengar isi hati klien dengan tepat dan menjaga hubungan antara kaunselor dan klien
- A I dan II sahaja
B I, II dan III sahaja
C I, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S37** Antara berikut, manakah menerangkan proses kaunseling berdasarkan Teori Realiti dengan tepat?
- I Menilai alternatif
 - II Fokus kepada masa sekarang
 - III Tidak menerima sebarang alasan
 - IV Fokus kepada tingkah laku semasa
- A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S38** Apakah kelebihan menggunakan Pendekatan Kaunseling Integratif ini?
- I Tidak berlandaskan mana-mana teori
 - II Kaunselor menggunakan justifikasi sendiri semasa sesi kaunseling
 - III Kaunselor dapat memberi sokongan, empati, penerimaan tanpa syarat kepada klien
 - IV Kaunselor dapat menggunakan kecekapannya supaya tidak menggunakan justifikasi sendiri yang memudaratkan klien
- A I dan II sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S39** Antara berikut, manakah rasional bimbingan dan kaunseling di institusi TVET?

- I Membantu membuat keputusan untuk pelajar
- II Memenuhi keperluan pelajar ke arah potensi secara optimum
- III Membimbing pelajar memahami dan membentuk nilai, sikap dan tingkah laku yang sesuai dengan norma masyarakat
- IV Menyedarkan pelajar bahawa ada orang yang sedia membantu dan menyelesaikan masalah yang dihadapi

- A I dan III sahaja
- B II dan III sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S40 Antara berikut, manakah persamaan antara bimbingan dan kaunseling?

- I Merupakan satu proses
- II Membantu menyelesaikan masalah
- III Memerlukan aplikasi dan teori psikologi
- IV Memberi peluang kepada klien untuk memilih opsyen dalam penyelesaian masalah

- A I dan III sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

BAHAGIAN B (SOALAN STRUKTUR)

S41 Mengapa sesetengah pelajar tidak suka berjumpa dengan kaunselor di sekolah?

i. _____

(2.5 markah)

ii. _____

(2.5 markah)

iii. _____

(2.5 markah)

iv. _____

(2.5 markah)

S42 (a) Huraikan dengan ringkas definisi kesahan dan kebolehpercayaan dalam pengujian psikologi khususnya dalam sesi kaunseling.

i. Kesahan

(2.5 markah)

TERBUKA

ii. Kebolehpercayaan

(2.5 markah)

(b) Huraikan dengan ringkas **empat (4)** jenis kesahan yang telah anda pelajari.

i.

(2.5 markah)

ii.

(2.5 markah)

iii.

(2.5 markah)

iv.

(2.5 markah)

(c) Apakah kepentingan melaksanakan pengujian dalam kaunseling?

(5 markah)

S43 (a) Berikan definisi bagi etika-etika kaunseling di bawah.

i. Autonomi

(5 markah)

ii. Beneficence

(5 markah)

iii. Nonmalaficence

(5 markah)

(b) Apakah **tiga (3)** akibat sekiranya seorang kaunselor melanggar etika kaunseling?

i. _____

(5 markah)

ii. _____

(5 markah)

iii. _____

(5 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA